

## Langkahan Negara-negara Arab Terhadap Yahudi Palestin

Suatu mesyuarat yang besar antara negara-negara Arab telah diadakan pada bulan Muharam 1384H ini di Baitul

Maqdis yang dihadiri oleh semua wakil-wakil negara-negara Arab untuk mengambil langkah-langkah bersama terhadap kepada

kerajaan Israel dan juga untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap kepada rancangan Yahudi

bagi mengalirkan air sungai Jordan untuk faedah negara Israel iaitu suatu perbuatan yang sangat

berbahaya kepada perkembangan orang Arab seluruhnya dan khasnya orang-orang Arab di Palestin.

Ikatan bersatu padu itu dilaksanakan dengan wajarnya oleh negara-negara Arab yang telah berikat setia itu dan ini dapat dibuktikan apabila kerajaan Arab Bersatu (Mesir) menuntut supaya Jerman Barat memberhentikan bantuan teknik dan senjata kepada Israel kerana perbuatan yang demikian bermakna kerajaan Jerman Barat memberi senjata untuk menikam seluruh umat Arab dengan senjata-senjatanya yang bakal digunakan oleh Yahudi yang sudah bertapak di Israel itu.

Bantahan ini tidak tinggal bantahan saja tetapi dengan disertai oleh seluruh kerajaan-kerajaan Arab mereka bertindak serentak memutuskan perhubungan-perhubungan diplomatik mereka dengan Jerman Barat dengan memanggil semua sekali Duta-duta kerajaan Arab yang ada di Jerman Barat balik ke negeri masing-masing.

Kita belum nampak ada sebuah kerajaan Islam yang lain yang mengambil langkah menyertai gerakan negara-negara Arab memutuskan hubungan dengan kerajaan Jerman Barat itu. Adakah kerajaan-kerajaan Islam yang lain seperti Pakistan, Turki, Iran, Malaysia dan seumpamanya memandang bahawa peristiwa yang diambil oleh kerajaan-kerajaan Arab semata –

tidak maslahat seluruh umat Islam – tidaklah diketahui. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa masalah kedudukan tanah suci Palestin itu adalah suatu perkara yang mewajibkan tiap-tiap umat Islam berjihad dengan harta, tenaga dan kalau perlu dengan jiwanya. Ini jelas diketahui oleh seluruh alim ulama Islam.

Di Malaysia umpamanya, berhubung dengan agama Islam sebagai agama rasmi maka telah wajar baginya melangkah menyokong bersama-sama mempertahankan maslahat-maslahat Islam daripada segala perkosaan dari luar. Menjadi suatu perkara yang sangat mengecewakan kalau di Malaysia ini, yang segala dasar luarnya dipegang oleh kerajaan pusat, membiarkan kerajaan negeri berhubung dengan kerajaan-kerajaan luar seperti dengan Israel yang boleh merosakkan hubungan persaudaraan Islam di antara negara-negara Islam di seluruh dunia. Kerana itu tindakan-tindakan pusat yang tegas mestilah dikehendaki untuk mendapat sokongan dan kerjasama dari negara-negara Islam dengan menjaga dan mengawal maslahat bersama.

### Riwayat Yang Tidak Tamat-tamatnya

Sebelum Perang Dunia yang kedua berlaku Palestin dan seluruh negara-negara Arab menjadi jajahan takluk Dawlah

'Uthmāniyyah (Kerajaan Turki). Perasaan kebebasan orang-orang Arab tidak membenarkan diri mereka ditindas oleh kezaliman-kezaliman pembesar-pembesar Turki yang dikenal mereka mulai bertambah semenjak zaman-zaman yang akhir Dawlah 'Abbāsiyyah.

Orang-orang Arab mencari bantuan dan hubungan dengan orang-orang luar dan dengan sebab itu hubungan dengan kerajaan Perancis, Inggeris dan pihak Berikat diikat. Perjanjian itu dikenal dengan nama *Sykes-Picot*. Dengan bantuan orang-orang Arab dari luar yang dipersenjatai oleh orang kulit putih inilah Turki dapat dikeluarkan dari tanah Arab. Bantuan-bantuan orang Arab itu diberikan di atas dasar Sir Henry McMahon yang pada masa itu menjadi Pesuruhjaya British di Mesir dengan Amir Husain yang kemudian menjadi al-Malik Husain di Hijjaz yang mengadakan rundingan pada tahun 1915-1916 dengan memberi pengakuan kepada negeri-negeri Arab akan dimerdekakan apabila pihak Berikat menang dalam peperangan itu. Tetapi sebaliknya kerajaan British mengeluarkan perisytiharan dengan nama "Pengisytiharan Balfour" pada tahun 1917 telah menjanjikan untuk menubuhkan sebuah kerajaan kebangsaan Yahudi di Palestin sebagai "tanah yang dijanjikan".

Apabila Turki kalah di dalam peperangan maka pada tahun 1924 Palestin diletakkan di bawah mandat British dan Syria diletakkan di bawah mandat Perancis. Di dalam masa itulah dengan tidak rasmi, boleh jadi dengan pengetahuan kerajaan British sendiri ditubuhkan pasukan pertahanan Yahudi, Haganah dilatih dan disenjatai dengan senjata-senjata yang dibawa masuk dengan haram. Pasukan pertahanan ini telah menjadi 80 hingga 100 ribu orang dalam tahun 1947.

Melihat perbuatan-perbuatan British yang mungkir janji

dan sentiasa membukakan pintunya bagi membawa masuk anak-anak dagang (Yahudi) ke sana dengan melimpah-limpah. Untuk mengaramkan negeri itu dengan orang-orang Yahudi yang dahulu dari daerah-daerah Nazi dibawa masuk ke Palestin sesudah negeri itu dipenuhi oleh orang-orang Yahudi dengan banyaknya dan sesudah kedudukan mereka itu kuat dengan bantuan-bantuan orang Yahudi di Amerika dan Amerika sendiri dan setelah kerajaan British berjaya menghancurkan kedudukan Islam dan kerajaannya dan memecah-mecahkan mereka itu, dan sesudah menanam sebuah negara Israel yang sifatnya sebagai duri di dalam daging bagi seluruh umat Arab dan Islam maka kerajaan British menyerahkan mandatnya pada 15 Mei 1948 dan mengeluarkan tenteranya pada 1 Ogos tahun itu dan menyerahkan persoalan Palestin kepada Bangsa-bangsa Bersatu yang meneruskan rencana pembelahan Palestin yang dibuatnya pada 29 November 1947.

Sesudah itu terjadilah perkelahian yang hebat di antara orang-orang Arab dan Yahudi dan perundingan perdamaian diadakan di antara kedua-dua pihak di mana kerajaan Amerika mengambil bahagian utama. Tetapi pada hari mandat British itu diserahkan pada masa itulah juga orang-orang Yahudi mengisytiharkan berdirinya negara Israel di Palestin. Beberapa jam kemudian tentera-tentera Arab dari Lubnan, Sharq al-Urdun, Mesir maju bersama-sama menyerang negeri yang baru tumbuh itu. Kerana tekanan-tekanan dan kerana rasuah-rasuah yang dilakukan maka negara-negara Arab tidak dapat mengambil semula dan meruntuhkan negara Israel itu.

Pada masa kita berada di Masjid al-Aqsa beberapa orang Arab Palestin berkata, "**Bagaimanakah kami akan boleh tidur melihat di sebelah sana masih terletak tempat-tempat suci kami di tangan Yahudi. Tuan**

**lihatlah sendiri bangunannya masih dapat kita pandang.**

**Kami yakin bahawa Allah akan dapat memulangkan tempat-tempat itu kepada kami umat Islam dengan taufik dan inayah Allah.”**

Dari semenjak negara Israel tertubuh negara-negara Arab seluruhnya yang telah mengeluarkan visa orang-orang asing ke negerinya akan membatalkan visa itu apabila saja mereka masuk ke Israel. Di sepanjang jalan daripada penduduk yang di bawah, kepada drebar-drebarnya orang-orang Palestin tidak ada kata-kata yang baik kita dengar yang diucapkan mereka terhadap kepada Inggeris dan Bangsa-bangsa Bersatu melainkan mereka berdoa supaya mereka dilaknat oleh Allah kerana perbuatan dan tipu daya orang-orang itu, umat Palestin telah menderita dan terdesak hidupnya.

Perkara yang sangat mendukacitakan berlaku di tanah air kita, di Tanah Melayu dengan sifatnya sebagai sebuah negara yang mengagung-agungkan Islam sebagai agama rasmi negeri ini telah pernah mengakui negara Israel yang dikutuk oleh seluruh umat Islam di dalam dunia ini.

Mudah-mudahan Allah akan menyedarkan umat Muslimin seluruhnya, khasnya pemimpin-pemimpin agama kita di Tanah Melayu menegakkan jihadnya di atas Palestin yang terletak di atasnya Masjid al-Aqsa yang telah pernah menjadi kiblat umat Islam, yang menjadi tempat Junjungan kita Muḥammad (S.A.W) mikraj untuk menerima XXX-XXX<sup>1</sup> rukun Islam iaitu menerima perintah sembahyang yang lima waktu yang menjadi tiang agama – Amin.



<sup>1</sup> Perkataan tidak dapat dikenalpasti.

## **Hiduplah Hari Ini.**

Harapan-harapan hari esok ditambah dengan hari kelmarin, jika didokong oleh hari ini, meski oleh si perkasa sekalipun ia akan tergelincir. Tutuplah masa depan itu serapat menutup masa yang silam.....! Hari ini itulah masa depan.....! Tidak ada esok hari. Hari selamat setiap orang adalah hari ini! Pemborosan tenaga, tekanan batin, kegugupan dan kecemasan selalu mengekori orang-orang yang selalu kkuatir akan masa depan.....! Tutuplah rapat masa yang lampau dan masa yang akan datang dan persiapkan diri saudara untuk memiliki kebebasan “hidup pada hari ini” – (Oleh Dr UsIar)

\* \* \* \*

## **Hari Ini Adalah Hidup Baru**

Saya tidak akan lupa dan akan tetap berterima kasih terhadap sebuah ayat yang telah memberi ilham kepada saya yang berbunyi, “Setiap hari adalah hidup baru bagi seseorang yang arif bijaksana”.

Saya tulis ayat tersebut di atas secarik kertas dan menampalkannya di cermin kereta saya, sehingga sentiasa dapat terlihat oleh saya apabila sedang mengenderainya. Saya merasa tak seberapa berat untuk menghadapi hidup hanya untuk satu hari. Saya melatih diri untuk melupakan hari kelmarin dan tidak memikirkan akan hari esok. Setiap pagi saya berkata kepada diri saya sendiri, “Hari ini adalah hidup baru”.

Saya berhasil mengatasi takut saya akan rasa kesepian, takut akan hidup yang serba kurang. Sekarang saya merasa bahagia dan saya cukup mendapat kejayaan dan saya memiliki semangat dan cinta untuk hidup – (Oleh Dale Carnegie)